



## 2.0 VETERAN ATM DALAM INDUSTRI PELANCONGAN

### 2.1 Lanskap Sosioekonomi Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Keperluan Peluang Baharu

Veteran ATM merupakan kumpulan yang semakin dilihat mempunyai potensi besar untuk mengisi ruang dan keperluan industri pelancongan negara. Veteran ATM terdiri daripada individu yang telah berkhidmat dalam tiga cabang perkhidmatan ATM iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Setiap tahun, sekitar 5,000 hingga 6,000 orang anggota ATM akan menamatkan perkhidmatan dan sebahagian besar daripada mereka ini berada dalam lingkungan usia produktif, iaitu sekitar 32 hingga 55 tahun (JHEV, 2023). Sehingga Oktober 2025, dilaporkan veteran ATM berjumlah 222,084 (portal JHEV, 2025) orang yang merangkumi pelbagai latar belakang kepakaran, termasuk kemahiran berstruktur, kepimpinan, pengurusan keselamatan, kecekapan teknikal dan kecekapan dalam operasi lapangan di sepanjang tempoh perkhidmatan. Peralihan daripada kerjaya ketenteraan kepada kerjaya awam merupakan cabaran besar bagi kebanyakan veteran.

Veteran ATM juga merupakan golongan yang menjalani kehidupan kerjaya yang berdisiplin ketat dan terdedah kepada latihan ketenteraan yang intensif selama bertahun-tahun. Data Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV, 2022) menunjukkan bahawa sebahagian besar veteran ini tidak mempunyai pekerjaan tetap dalam tempoh dua tahun selepas meninggalkan perkhidmatan dan 45% daripadanya bergantung kepada pekerjaan tidak formal. Walaupun pelbagai program latihan dan sokongan telah disediakan melalui Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) dan agensi awam/swasta yang lain, sebahagian veteran masih menghadapi kekangan untuk menyesuaikan diri dalam industri yang lebih komersial sifatnya.

Pada masa yang sama, industri pelancongan Malaysia menunjukkan perkembangan pesat, terutamanya dalam sektor ekopelancongan komuniti dan pelancongan pengembaraan (UNWTO, 2021; Buckley, 2020). Menurut Buckley (2020), pelancongan pengembaraan dan pelancongan berasaskan alam merupakan antara sektor yang berkembang pesat di destinasi yang memiliki kekayaan biodiversiti dan landskap semula jadi, dan hal ini menjadikan Malaysia berpotensi besar dalam memenuhi permintaan tersebut. Malaysia mempunyai lebih 70% kawasan hutan hujan tropika,

taman negara, berpuluh-puluh kawasan konservasi dan pelbagai produk pelancongan budaya serta sejarah. Kesemua ini memerlukan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran dalam aspek keselamatan, navigasi, penceritaan sejarah, pengurusan operasi di lapangan dan pemandu pelancong. Kesemua bidang ini merupakan bidang yang telah sebatik dalam kehidupan seorang anggota tentera. Apa yang mereka perlu adalah latihan dan kemahiran khusus yang diiktiraf dalam pasaran industri dan pekerjaan

### 2.2 Keupayaan dan Kompetensi Veteran ATM dalam Konteks Pelancongan

Keupayaan veteran ATM ini sebenarnya jauh lebih kompleks daripada apa yang sering disangka. Mereka bukan sahaja terlatih dari aspek ketahanan mental dan fizikal, tetapi juga memiliki kecekapan dalam pengurusan situasi, penyelesaian masalah, analisis risiko dan komunikasi strategik. Dalam operasi ketenteraan, mereka dilatih untuk memahami struktur organisasi, mengatur logistik, mengawal keselamatan persekitaran dan melaksanakan arahan secara sistematik. Apabila diaplikasikan dalam industri pelancongan, kemahiran ini terbukti sangat bernilai.

Sebagai contoh, dalam produk pelancongan berasaskan pengembaraan seperti pendakian bukit atau gunung, ekspedisi hutan, aktiviti daya tahan atau lawatan ke kawasan terpencil, mereka mempunyai kemampuan untuk merancang laluan, mengurus risiko kecederaan, memantau tingkah laku peserta dan memastikan keselamatan sepanjang program. Tambahan pula, pengalaman mereka dalam navigasi kompas, membaca peta topografi dan komunikasi radio membolehkan mereka menjalankan aktiviti lapangan dengan tahap keselamatan lebih tinggi berbanding individu tanpa latihan ketenteraan.

Selain itu, veteran ATM juga sering menjadi sumber penceritaan sejarah yang autentik. Pelancongan sejarah ketenteraan semakin mendapat perhatian, terutama dalam kalangan pelancong domestik yang ingin memahami perjuangan negara dalam mempertahankan kedaulatan. Mereka bukan sekadar bertindak sebagai penyampai maklumat, malah sebagai saksi sejarah yang menghidupkan naratif patriotik melalui pengalaman dan memori sebenar di lokasi bersejarah. Peranan ini sejajar dengan konsep pelancongan medan tempur (battlefield tourism) yang diuraikan oleh Seaton (2000), yang menegaskan bahawa lawatan ke tapak konflik bersejarah berfungsi sebagai saluran untuk mentafsir dan memahami peristiwa sejarah, di samping mengukuhkan identiti nasional serta

memupuk kesedaran patriotisme melalui penghayatan emosi pelancong.

### 2.3 Bentuk Penglibatan Veteran ATM

Penglibatan veteran dalam industri pelancongan menunjukkan kepelbagaian bentuk dan peranan yang tidak terhad kepada satu model penyertaan sahaja. Sebaliknya, penglibatan ini berkembang secara fleksibel mengikut minat individu, tahap keupayaan fizikal, pengalaman profesional serta peluang pasaran setempat. Kepelbagaian ini membolehkan veteran memilih peranan yang bersesuaian, sama ada sebagai pengusaha, fasilitator, pencerita sejarah atau tenaga sokongan dalam aktiviti pelancongan. Dalam konteks pelancongan luar bandar, veteran sering muncul sebagai penggerak utama ekonomi tempatan melalui penglibatan aktif dalam program homestay atau inap desa serta pusat latihan komuniti. (UNDP, 2018). Selaras dengan laporan dari UNDP (2018), penglibatan veteran dalam inisiatif ini bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan pendapatan komuniti luar bandar, malah turut menyokong agenda pembangunan mampan melalui pemerkasaan sosial, ekonomi dan pembangunan kapasiti komuniti setempat.

Mereka mengendalikan aktiviti seperti jejak alam, menyeberangi sungai, kem motivasi dan modul pembinaan pasukan yang mendapat sambutan pelajar, syarikat korporat dan masyarakat. Veteran turut menjadi jurulatih keselamatan untuk syarikat pelancongan yang menawarkan pakej lasak. Terdapat juga veteran yang mengusahakan agensi pelancongan mereka sendiri. Veteran yang memiliki kelayakan akademik pula berkhidmat sebagai pemandu pelancong bertauliah, pegawai rekreasi di resort, taman negara atau destinasi pelancongan popular yang lain.

Sementara itu, penglibatan veteran dalam pelancongan ketenteraan atau military tourism juga semakin berkembang. Lawatan ke tapak bersejarah seperti bekas kubu pertahanan, muzium angkatan tentera, kawasan operasi era darurat dan lokasi sejarah negara menjadi semakin relevan apabila veteran terlibat sebagai pencerita utama. Mereka bukan sekadar berkongsi fakta sejarah, tetapi juga emosi, cabaran dan nilai perjuangan yang menghidupkan pengalaman pelancongan tersebut. Contohnya Malaysia Military History Tourism Association (MMHTA) ditubuhkan oleh veteran ATM dan berfokus kepada pelancongan sejarah ketenteraan yang dikenali sebagai Miltours yang merupakan program lawatan eksklusif yang

dikendalikan oleh bekas pegawai tentera (MMHTA,2022). Mereka mempunyai akses ke tapak-tapak bersejarah ketenteraan (termasuk yang dikawal ketat) dan pemandu pelancong adalah dari kalangan bekas anggota tentera. Oleh itu, mereka dapat berkongsi pengalaman dan kenangan peribadi secara langsung dengan pelancong. Ini adalah salah satu contoh paling jelas di mana veteran ATM menggunakan latar belakang ketenteraan mereka (sejarah, operasi, kenangan peribadi) untuk mencipta nilai pelancongan sejarah.

#### 2.3.1 Usahawan Veteran ATM dalam Pelancongan Rekreasi dan Komuniti: Ilustrasi Empirikal

Ibrahim bin Haji Palau merupakan seorang veteran ATM yang menamatkan perkhidmatan pada Januari 2017 dengan pangkat terakhir sebagai Pegawai Waran I (PW1) dalam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Unit terakhir beliau ialah di KD Panglima Hitam dan jawatan terakhir yang disandang ialah sebagai Bintara Inovasi serta Bintara Tim Risik Gempur. Selepas persaraan, beliau mengikuti kursus latihan peralihan sambil bekerja di Tawau, Sabah. Hal ini membuka ruang kepada penglibatan aktif beliau dalam sektor pelancongan rekreasi dan membuka syarikat Assifa' Enterprise, berpusat di Taman Rekreasi Hutan Simpan Mambalua, Tawau Sabah. Keputusan ini dipengaruhi oleh keyakinan terhadap kemahiran dan kompetensi yang dibentuk sepanjang perkhidmatan ketenteraan, sokongan institusi melalui Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT), serta peluang kolaborasi strategik bersama agensi tempatan seperti Jabatan Perhutanan Daerah Tawau, Kementerian Belia dan Sukan Bahagian Tawau, MOTAC Sabah, KD Sri Tawau dan pihak berkuasa tempatan. Dalam peranan sebagai usahawan pelancongan, beliau mengendalikan pelbagai aktiviti rekreasi berasaskan alam dan pembangunan insan, termasuk aktiviti menakik turun, terbang kelawar, mendaki, berkayak, aktiviti air, perkhemahan serta program pembinaan pasukan dan kepimpinan. Aktiviti-aktiviti ini disokong oleh kelayakan profesional yang dimiliki setelah bersara dalam bidang rekreasi dan keselamatan, yang membolehkan pelaksanaan operasi secara sistematik, selamat dan berdisiplin.

Sebaliknya, Kiyok Anak Awos, seorang veteran Tentera Darat Malaysia yang menamatkan perkhidmatan pada Januari 2022 dengan pangkat Staf Sarjan, telah mempamerkan bentuk penglibatan yang berbeza namun saling melengkapi dalam industri pelancongan komuniti. Unit terakhir beliau ialah 72 Semboyan, Kem Muara Tuang dan selepas persaraan, beliau mengikuti latihan peralihan di

Pusat Latihan dan Bimbingan Veteran (PLBV) PERHEBAT Sarawak dalam kursus Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang mana memberi pendedahan serta dorongan untuk menceburi keusahawanan inap desa. Kepercayaan dan keyakinan terhadap potensi semula jadi kawasan Bung Siju di Kampung Sapit (Ulu Padawan) telah menyebabkan beliau membangunkan Sunrise View Village Stay, iaitu sebuah produk pelancongan luar bandar yang berasaskan ekopelancongan dan pengalaman alam semula jadi. Destinasi ini terletak pada ketinggian sekitar 1,500 kaki dari paras laut dan menawarkan penginapan berkonsepkan perkhemahan dan pondok ringkas, di samping aktiviti seperti pendakian pendek ke puncak, trek alam, pemerhatian burung, fotografi landskap serta lawatan ke air terjun berhampiran. Pakej penginapan jangka pendek yang disediakan telah mendapat komen positif dari pelancong dan sekali gus menunjukkan keupayaan veteran ATM memanfaatkan disiplin, perancangan operasi dan kepekaan terhadap keselamatan untuk membangunkan pelancongan komuniti yang mampan dan berdaya saing.

Secara keseluruhannya, kedua-dua ilustrasi empirikal ini memperlihatkan kepelbagaian laluan penglibatan veteran ATM dalam industri pelancongan, sama ada melalui pengendalian aktiviti rekreasi lasak mahupun pembangunan inap desa berasaskan komuniti dan alam semula jadi. Walaupun berbeza dari segi skala dan bentuk perniagaan, kedua-duanya berkongsi ciri teras yang sama, iaitu pemindahan kemahiran ketenteraan seperti disiplin, pengurusan risiko, perancangan operasi dan kepimpinan ke dalam konteks pelancongan. Pengalaman ini mengukuhkan hujah bahawa veteran ATM merupakan aset strategik kepada pembangunan pelancongan yang selamat, berkualiti dan berteraskan komuniti.

### 3.0 CABARAN MENCEBURI INDUSTRI PELANCONGAN

Walaupun veteran ATM ini memiliki disiplin, ketahanan mental, serta pelbagai kemahiran teknikal hasil pengalaman berkhidmat dalam pasukan keselamatan, mereka masih berhadapan dengan pelbagai cabaran apabila memasuki industri pelancongan yang bersifat komersial dan berorientasikan pelanggan.

Salah satu cabaran utama ialah kurang berpengalaman dalam bidang perkhidmatan pelanggan, perhotelan dan pengurusan pelancongan yang memerlukan pendekatan lebih tersusun, mesra

dan sistematik berbanding struktur ketenteraan. Mereka juga kekurangan pensijilan profesional yang diiktiraf dalam sektor pelancongan atau hospitaliti, dan hal ini menjadikan proses mendapatkan pekerjaan atau peluang perniagaan dalam industri tersebut lebih sukar atau terhad. Selain itu, ramai veteran berdepan dengan kesulitan mengurus perniagaan sendiri kerana kurangnya pendedahan kepada ilmu asas keusahawanan seperti pengurusan kewangan, operasi harian dan strategi pembangunan perniagaan. Kekangan modal turut menjadi penghalang, memandangkan sebahagian veteran tidak mempunyai akses mudah kepada pembiayaan untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan pelancongan. Di samping itu, kurangnya kemahiran dalam teknologi pemasaran moden, termasuk pemasaran digital, media sosial dan sistem tempahan dalam talian telah menghadkan kemampuan mereka untuk bersaing dalam pasaran pelancongan masa kini yang sangat bergantung pada platform digital.

Selain berhadapan dengan cabaran teknikal dan ekonomi, veteran ATM turut mengalami cabaran yang signifikan dalam aspek penyesuaian identiti profesional apabila beralih ke sektor awam, khususnya industri pelancongan. Sepanjang tempoh perkhidmatan ketenteraan, mereka dibentuk dalam persekitaran kerja yang berteraskan disiplin tinggi, struktur organisasi yang tegas, hierarki yang jelas serta pematuhan kepada rutin dan arahan yang ketat. Corak kerja sedemikian membentuk identiti profesional yang berorientasikan arahan, kawalan dan standard operasi yang formal. Namun, peralihan ke industri pelancongan yang bersifat lebih fleksibel, santai dan berfokuskan kepuasan pelanggan memerlukan penyesuaian sikap, nilai dan gaya interaksi yang berbeza. Keperluan untuk berkomunikasi secara mesra, berinteraksi secara tidak formal dengan pelancong serta mempamerkan kreativiti dalam mempromosikan diri atau produk pelancongan boleh menimbulkan tekanan psikologi, kekeliruan peranan dan ketidakselesaan emosi kepada sesetengah veteran. Seperti yang dinyatakan oleh Khoo dan Badaruzaman (2014), industri pelancongan menuntut kemahiran komunikasi interpersonal yang lebih lembut dan keupayaan membina hubungan sosial secara spontan, yang mungkin tidak selari sepenuhnya dengan pengalaman kerja ketenteraan.

Hal ini akan menjadi satu perubahan budaya kerja yang mungkin dirasakan janggal bagi mereka. Transisi ini bukan sahaja memerlukan perubahan dalam pemikiran, tetapi juga kemampuan untuk membina keyakinan diri dalam situasi kerja yang sangat berbeza daripada pengalaman mereka

terdahulu. Dengan semua cabaran ini, jelas bahawa veteran memerlukan sokongan, latihan serta bimbingan yang berstruktur bagi memastikan proses penyesuaian ke dalam industri pelancongan berjalan lebih lancar dan berkesan.

#### 4.0 IMPAK PENGLIBATAN VETERAN ATM

Penglibatan veteran ATM dalam sektor pelancongan akan membawa satu gelombang baharu yang memberi kesan mendalam kepada ekonomi, masyarakat dan identiti negara. Kehadiran mereka bukan sekadar menambah jumlah pemain industri, tetapi menyuntik nilai dan karakter yang jarang terdapat dalam kelompok pekerja lain. Ramai di antara mereka yang kembali ke kampung halaman selepas bersara dan bidang pelancongan menjadi ruang paling sesuai untuk membina kehidupan kedua yang stabil dan bermakna. Dari sinilah bermula rentetan perubahan yang memberi manfaat kepada pelbagai lapisan masyarakat.

Di kawasan desa atau luar bandar, penglibatan mereka dapat menghidupkan semula ekonomi setempat. Mereka membuka inap desa, kem rekreasi, pusat agro pelancongan dan chalet kecil yang menjadi tarikan pelancong domestik. Kehadiran pelawat yang menikmati pengalaman alam semula jadi atau aktiviti komuniti menjana perbelanjaan baharu dalam bentuk makanan, pengangkutan, cenderahati dan program rekreasi. Kesannya, kampung-kampung yang pada awalnya sunyi akan bertukar menjadi destinasi yang lebih hidup dan berdaya ekonomi, sementara penduduk tempatan pula menerima aliran pendapatan yang berterusan.

Lebih menarik, latar belakang ketenteraan memberikan kelebihan unik yang menjadikan mereka aset strategik kepada industri pelancongan, khususnya dalam segmen pelancongan berasaskan alam semula jadi dan pengembaraan. Latihan ketenteraan yang berteraskan disiplin tinggi, pematuhan prosedur keselamatan serta kecekapan operasi membolehkan mereka membawa tahap profesionalisma yang tinggi dalam pengurusan aktiviti pelancongan. Seperti yang dihuraikan oleh Buckley (2020), ekopelancongan dan pelancongan pengembaraan menuntut kemahiran teknikal khusus seperti survival hutan, navigasi, pengurusan kecemasan serta keupayaan merancang dan melaksanakan aktiviti luar secara selamat, yang sememangnya selari dengan pengalaman serta latihan yang dimiliki oleh veteran. Kecekapan serta keyakinan ini bukan sahaja meningkatkan tahap keselamatan aktiviti pelancongan, malah

menyumbang kepada pengalaman pelancong yang lebih tersusun, profesional dan meyakinkan. Sebagai contoh, pemandu pelancong yang terdiri daripada veteran bukan sekadar membawa pelancong meneroka hutan, sungai atau kawasan terpencil, tetapi turut berperanan sebagai pengurus risiko yang berupaya bertindak pantas dalam situasi tidak dijangka. Keupayaan ini meningkatkan kepercayaan pelancong terhadap keselamatan, sekali gus memperkukuh daya saing Malaysia dalam sektor ekopelancongan dan pelancongan pengembaraan di peringkat serantau dan antarabangsa.

Dalam masa yang sama, pelancongan berasaskan sejarah dan ketenteraan menerima nafas baharu melalui penglibatan aktif veteran, yang membolehkan pelancong menghayati sejarah secara lebih mendalam dan berasaskan pengalaman sebenar. Seperti yang dihuraikan oleh Seaton (2000), pelancongan ke tapak konflik dan warisan ketenteraan berfungsi bukan sekadar sebagai aktiviti rekreasi, tetapi sebagai medium pendidikan, ingatan kolektif dan pembinaan identiti nasional. Selaras dengan perkembangan semasa, MMHTA (2022) turut menunjukkan bahawa penglibatan individu yang mempunyai latar belakang ketenteraan dalam penceritaan sejarah meningkatkan kredibiliti dan impak naratif yang disampaikan. Veteran berperanan sebagai pencerita utama bagi kisah-kisah pertempuran, pengorbanan pasukan keselamatan dan peristiwa penting yang membentuk keamanan negara. Hal ini sekali gus menjadikan sejarah lebih hidup, beremosi dan mudah dihayati oleh pelancong. Melalui pelaksanaan program jejak sejarah, lawatan berpandu ke tapak warisan, pameran ketenteraan serta pengurusan muzium berskala kecil, nilai patriotisma dan penghargaan terhadap pengorbanan negara dapat dipupuk, khususnya dalam kalangan generasi muda dan pelancong antarabangsa. Usaha ini bukan sahaja menyumbang kepada pemeliharaan warisan pertahanan negara, malah membuka ruang kepada pembangunan produk pelancongan seperti pelancongan ketenteraan (military tourism), yang semakin mendapat tempat dan permintaan di rantau Asia Tenggara.

Penglibatan ini juga membawa kesan sosial yang ketara kepada veteran sendiri. Ramai dalam kalangan mereka yang menghadapi cabaran pasca persaraan, sama ada dari segi pendapatan, motivasi atau penyesuaian diri. Apabila mereka terlibat dalam sektor pelancongan, ia memberi peluang untuk membina identiti baharu tanpa meninggalkan elemen kompetensi lama yang telah mereka pupuk selama puluhan tahun dalam perkhidmatan. Mereka dapat berdikari, mengurangkan kebergantungan

terhadap bantuan kebajikan dan kembali merasakan diri berguna serta dihargai oleh masyarakat. Rasa bangga ini mempunyai kesan positif kepada kesejahteraan mental dan sosial mereka.

Selain itu, veteran turut membawa manfaat kepada pembangunan komuniti. Kemahiran mereka dalam latihan, kepimpinan, dan pengurusan kecemasan dipindahkan kepada penduduk tempatan melalui kursus-kursus seperti asas rekreasi, pengendalian aktiviti luar, keselamatan pelancongan dan pengukuhan pasukan atau pembinaan pasukan. Secara tidak langsung, komuniti menjadi lebih bersedia, berdisiplin dan berdaya saing dalam mengendalikan destinasi pelancongan mereka sendiri. Ekosistem pelancongan yang wujud menjadi lebih kukuh dan inklusif kerana menerima input daripada pelbagai kelompok masyarakat yang saling melengkapi.

Dari sudut imej negara pula, kehadiran veteran dalam industri pelancongan meningkatkan kualiti perkhidmatan serta tahap keyakinan pelancong. Pelancong yang berinteraksi dengan veteran akan mengaitkan mereka dengan nilai integriti, ketepatan masa dan kesantunan. Sifat profesional ini memberi gambaran positif terhadap negara dan meningkatkan tahap kepuasan pelanggan, seterusnya menggalakkan promosi secara lisan yang membawa kepada peningkatan kedatangan pelancong.

Secara keseluruhannya, impak penglibatan veteran ATM dalam industri pelancongan bukan sekadar memberi nilai ekonomi semata-mata malah merupakan transformasi menyeluruh yang menggabungkan kesejahteraan veteran, pengukuhan komuniti, pemerksaan sejarah dan peningkatan imej negara. Industri pelancongan sendiri menjadi lebih kaya dan pelbagai kerana disokong oleh tenaga kerja yang memiliki pengalaman unik serta nilai-nilai ketenteraan yang sukar diganti. Jika usaha ini terus diperluaskan, veteran bukan sahaja akan menjadi sebahagian daripada industri pelancongan, tetapi akan menjadi pemangkin kepada masa depan pelancongan Malaysia yang lebih mampan dan beridentiti.

## 5.0 CADANGAN DASAR DAN IMPLIKASI POLISI

Bagi memperkukuh penglibatan veteran ATM dalam industri pelancongan, satu kerangka dasar bersepadu antara Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) wajar diwujudkan bagi menyokong peralihan kerjaya anggota ATM ke

sektor pelancongan. Kerjasama ini boleh diterjemahkan melalui pembangunan laluan kerjaya khusus (career pathway) yang menghubungkan kemahiran ketenteraan dengan keperluan industri pelancongan, terutamanya dalam sektor pelancongan pengembaraan, pelancongan luar bandar dan pelancongan sejarah ketenteraan. Antara intervensi utama yang dicadangkan ialah pelaksanaan mekanisme pengiktirafan pembelajaran terdahulu (Recognition of Prior Learning) bagi memudahkan veteran memperoleh pensijilan profesional seperti lesen pemandu pelancong, seterusnya mengurangkan halangan kemasukan ke pasaran pekerjaan serta mempercepatkan integrasi mereka dalam ekosistem pelancongan negara.

Selain itu, dasar sokongan keusahawanan dan pendigitalan yang bersasar perlu diperkukuh bagi menangani kekangan struktur yang dihadapi veteran ATM dalam mengendalikan perusahaan pelancongan. Pihak berkepentingan seperti PERHEBAT, JHEV, MOTAC dan agensi pembangunan usahawan disaran membangunkan program latihan keusahawanan serta inkubator pelancongan khusus yang merangkumi aspek pengurusan kewangan, pembangunan produk, perkhidmatan pelanggan dan pemasaran digital. Pada masa yang sama, inisiatif pendigitalan perusahaan veteran melalui latihan teknologi, penggunaan sistem tempahan dalam talian dan platform pemasaran digital perlu digiatkan selaras dengan agenda digitalisasi pelancongan negara. Pendekatan dasar yang holistik ini bukan sahaja berpotensi meningkatkan kebolehpasaran dan daya saing veteran ATM, malah menyumbang kepada pembangunan pelancongan yang lebih inklusif, lestari dan berteraskan komuniti, sejajar dengan matlamat Polisi Pelancongan Nasional 2020-2030.

## 6.0 KESIMPULAN

Veteran ATM mempunyai potensi yang besar dan berkeupayaan unik dalam berperanan sebagai pemain utama dalam ekosistem pelancongan negara. Latar belakang ketenteraan mereka membekalkan pengalaman yang luas, disiplin yang tinggi, kemahiran teknikal dalam pengurusan risiko dan kepakaran lapangan yang jarang ditemui dalam kalangan tenaga kerja awam. Kombinasi ini menjadikan veteran sebagai aset berharga dalam pembangunan produk pelancongan, terutamanya dalam sektor ekopelancongan, pengembaraan dan pelancongan berasaskan pengalaman (experience-based tourism), di mana keselamatan, perancangan dan pengendalian aktiviti merupakan faktor kritikal.

Namun begitu, penyertaan veteran dalam sektor pelancongan tidak boleh berlaku secara automatik. Keberkesanan penglibatan mereka bergantung kepada sokongan berstruktur, termasuk latihan khusus untuk meningkatkan kemahiran komunikasi, pengurusan pelanggan, pemasaran dan adaptasi kepada budaya kerja yang berbeza daripada persekitaran ketenteraan. Di samping itu, dasar inklusif daripada kerajaan, peluang pemasaran yang kukuh, serta kerjasama strategik dengan organisasi

veteran dan pemegang taruh industri merupakan elemen penting bagi membolehkan potensi ini direalisasikan sepenuhnya. Dengan pendekatan bersepadu, bukan sahaja industri pelancongan dapat memanfaatkan kompetensi unik veteran, malah veteran itu sendiri mendapat manfaat melalui peluang pekerjaan, pembinaan identiti baharu, pengiktirafan sosial dan peningkatan kesejahteraan mental serta sosial.

## 7.0 RUJUKAN

- Buckley, R. (2020). *Adventure Tourism Management*. CABI Publishing.
- Department of Statistics Malaysia. (2024). *Tourism Satellite Account 2022*. Putrajaya: DOSM.
- Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM. (2022). *Laporan Peralihan Kerjaya Veteran ATM*. Kuala Lumpur: JHEV.
- Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM. (2023). *Laporan Statistik Veteran ATM 2023*. Kuala Lumpur: JHEV.
- Khoo, S. L., & Badarulzaman, N. (2014). Community-based tourism: Empowering local communities in Malaysia. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 2(6),
- Malaysia Military History Tourism Association. (2022). *Military Tourism Programmes in Malaysia*. Kuala Lumpur: MMHTA.
- Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia. (2020). *Tourism Malaysia Annual Report 2019*. Putrajaya: MOTAC.
- Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia. (2021). *National Tourism Policy 2020–2030*. Putrajaya: MOTAC.
- Seaton, A. V. (2000). Another weekend away looking for dead bodies?: Battlefield tourism on the Somme and in Flanders. *Tourism Recreation Research*, 25(3)
- United Nations Development Programme. (2018). *Inclusive Tourism and Community Empowerment*. UNDP.
- United Nations World Tourism Organization. (2021). *Tourism and Rural Development*. UNWTO.
- United Nations World Tourism Organization. (2022). *UNWTO Tourism Definitions*. UNWTO.

## LAMPIRAN A

### ANTARA VETERAN YANG TERLIBAT DALAM BIDANG PELANCONGAN



Nama : Kiyok Anak Awos

Pangkat : Staf Sarjan (Tentera Darat)

Perniagaan : Sunrise View Village Stay 'Bung Siju Camp Site' Ulu Padawan Sarawak



Nama : Ibrahim Bin Palau

Pangkat : PW I PAP (TLDM)

Perniagaan : Assifa' Enterprise, Taman Rekreasi Hutan Simpang Mambalua, Tawau Sabah